

DESTINASI SETEMPAT

Berehat di WANDERLUST!

IA MENJANJIKAN SATU PENGALAMAN BERCUTI YANG LUAR BIASA.



Kawasan lobi hotel



Info

ALAMAT: Wanderlust
Hotel No. 2 Dickson
Road, Singapura
209494

TEL: 6396-3322

LAMAN: www.wanderlusthotel.com

Belum setahun ia bertapak, namun namanya sudah mesra di bibir ramai, terutama di kalangan pelawat luar negara. Baru-baru ini hotel Wanderlust telah di senaraikan dalam majalah Conde Nast Hot List 2011. Walhal apabila mengimbas kembali asal hotel ini, ia sebenarnya sebuah bangunan usang. Pada tahun 1920an ia menempatkan murid-murid sekolah Hong Wen.

Bangunan ini masih berdiri tegak tetapi ia telah melalui kerja-kerja ubah suai yang intensif dan menjadikan ia berimej sebuah hotel hip terkini dengan rekaan dalaman yang unik dan cantik.

Tepat untuk penginapan pelancong yang ingin meneroka kawasan Little India yang kaya dengan sejarah. Selain itu, bagi anda yang ingin bercuti pendek sambil beristirahat bersama keluarga pada hujung minggu atau cuti sekolah, anda juga boleh check-in di hotel Wanderlust ini. Tapi, kalau datang satu rombongan, pastikan buat tempahan awal kerana biliknya terhad dan saiz bilik juga comel-comel belaka.

Bangunan empat tingkat ini memuatkan 29 bilik dengan sentuhan pakar reka dari empat syarikat binaan yang berbeza. Lantas, tiada satu bilik di antara 29 bilik ini yang tampil serupa.

Tidak kira sama ada tetamu tinggal bersendirian atau bercuti bersama keluarga,

hotel ini pasti akan meninggalkan kenangan yang tidak dapat dilupakan. Si kecil pasti akan tertawan apabila melihat bilik yang didiami mempunyai rekaan dan hiasan bertemakan cerita dongeng. Antaranya terdapat kehadiran hiasan roket, alien selain mesin taip (*typewriter*) yang besar di salah satu bilik hotel ini.

Walaupun tidak mempunyai kolam renang, hotel butik ini memuatkan jakuzi dan setiap bilik juga dilengkapi dengan produk jenama Kiehl, mesin Nespresso dan minuman ringan antara lainnya. Selamat meneroka! **m**



Salah satu bilik loft yang mempunyai mesin taip



Taman permainan dan jakuzi